



SUMBANGAN barang keperluan asas dan bantuan makanan daripada Labuan IBFC kepada pelajar UMSKAL.

Pelajar terkandas antara penerima sumbangan Labuan IBFC

Oleh **SUMARNI MAT NIN**
sumarni@labuanfsa.gov.my

SEIRING dengan slogan, sama-sama kita bina Labuan, Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre [Labuan IBFC]), tampil membantu pihak berkuasa tempatan dalam usaha memerangi Covid-19.

Kerjasama rentas-industri ini terdiri daripada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) serta wakil industri utama Labuan IBFC iaitu, Persatuan Insurans Antarabangsa Labuan, Persatuan Bank Labuan, Persatuan Syarikat Amanah Labuan, Kumpulan Bank Pelaburan Labuan dan Persatuan FinTech Labuan.

Sumbangan yang dikumpul dari Labuan FSA, persatuan dan penggiat industri, dari awal tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bermula telah dimanfaatkan untuk pelbagai bantuan di Labuan. Pek makanan serta peralatan perlindungan diri seperti; penutup muka, gel pembersih, sarung tan-

gan, bahan pembasmi kuman dan sabun telah diedarkan kepada orang ramai. Komuniti Labuan IBFC juga turut menyumbang kepada pihak hospital untuk pembelian mesin dan peralatan hospital yang diperlukan untuk menjalankan saringan Covid-19 dengan lebih efisien.

Labuan IBFC juga turut prihatin terhadap keperluan Pusat Kuarantin Labuan, yang bertempat di Pusat Giat Mara dan Institut Latihan Perindustrian Labuan.

Tidak lupa kepada pelajar-pelajar yang terkandas di Universiti Malaysia Sabah-Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan Kolej Matrikulasi Labuan (KML), yang turut menerima bantuan.

Selain itu, bantuan kemanusiaan terhadap kumpulan IMM13 di Kawasan Ganggagak Permai turut diagihkan, berupa pek makanan dan bantuan pek susu bayi.

Walaupun perintah kawalan pergerakan sudah dilonggarkan dan Labuan diisytiharkan "zon hijau", Labuan IBFC akan terus komited dalam membantu untuk memerangi Covid-19, dari pelbagai aspek. 